

13/12/1999

Pelabuhan Barat mampu bersaing: PM

Ebi Azly Abdullah; Johnny Giles Senin

KLANG, Ahad - Pelabuhan Barat di sini menjadi pelabuhan pertama di Asia Timur menerima kapal kontena terbesar di dunia, Clifford Maersk dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melawat kapal berkenaan petang ini menyifatkannya satu pencapaian besar dalam sejarah pelabuhan negara.

Menurut Perdana Menteri, kehadiran kapal kontena itu adalah satu petanda penting dalam pembangunan Pelabuhan Klang yang beberapa tahun lalu, hanyalah sebuah pelabuhan pengantara.

"Sekarang syarikat pengendali utama dunia kini menggunakan Pelabuhan Klang dengan banyaknya dan kapal yang terbesar pun boleh masuk ke sini.

"Saya berpendapat bahawa Pelabuhan Klang termasuk Westport, akan meningkat dengan pesatnya dan tahun ini saja pertumbuhannya adalah sebanyak 40.8 peratus dengan kargo perantara meningkat 130 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat kapal kontena itu di sini, petang ini. Turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Pengerusi Eksekutif Westport, Datuk G Gnalingam.

Clifford Maersk yang didaftarkan di Panama adalah kapal terbaru dalam siri Kelas S Maersk, kini dalam pelayaran sulung dari Eropah ke Pelabuhan Yokohama di Jepun.

Ia mempunyai kapasiti muatan kargo 6,600 TEU (muatan kontena bersamaan 20 kaki). Kapal itu mempunyai ukuran panjang 347 meter, 43 meter lebar dan apabila penuh muatan ia akan tenggelam sedalam 14.5 meter.

Dr Mahathir berkata, persinggahan pertama kapal berkenaan itu memecahkan rekod Westport sendiri, apabila ia akan melakukan 201 gerakan menggunakan enam kren bagi memunggah 1,325 kontena, membabitkan 264 pergerakan sejam.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan usaha menarik syarikat pengendali utama, Perdana Menteri melahirkan rasa berpuas hatinya kerana usaha itu dilakukan bersungguh-sungguh dengan pembabitan menterinya sendiri.

"Nampaknya ada maklum balas baik daripada pihak berkenaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kapasiti Pelabuhan Barat ketika ini mencukupi untuk kapal besar berlabuh tetapi akan terus dipertingkatkan dengan tambahan dermaga baru, sejauh 600 meter yang dijangka siap pada Julai tahun depan.

Sementara itu, Gnalingam berkata tahun depan Pelabuhan Barat akan dilengkapi pelbagai kemudahan dermaga bernilai kira-kira RM145 juta untuk meningkatkan lagi keupayaannya.

Beliau berkata apabila semua kemudahan itu siap beroperasi tahun depan, pelabuhan berkenaan akan mempunyai kemampuan untuk mengendalikan 2.1 juta TEU setahun.

Bagaimanapun katanya tahun ini, pelabuhan itu mengendalikan sebanyak 800,000 TEU dan ia adalah perkembangan yang amat memberangsangkan berbanding tahun lalu yang mencatat pengendalian 470,000 TEU.

(END)